

22 MAY 2000

MAHATHIR-BARANGAN

TIADA SEBAB BARANGAN BUATAN TEMPATAN HARUS KETINGGALAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tiada sebab kenapa barangan keperluan rumah buatan tempatan harus ketinggalan dengan barangan buatan asing padahal negara sudah mampu menghasilkan kereta yang bertaraf dunia.

"Kita hendak supaya barangan seperti penghawa dingin, peti sejuk, ketuhar dan barangan lain buatan Malaysia setaraf dari segi kualiti dan kecanggihannya dengan barangan buatan luar negara," kata Perdana Menteri ketika merasmikan konvensyen pengedar-pengedar Malaysia Electric Corporation Bhd (MEC) di sini hari ini.

Kerajaan, katanya, sentiasa menggalakkan usaha mengeluarkan barangan tempatan kerana ia mahu barangan itu dimiliki oleh rakyat negara ini, dan rakyat tidak perlu lagi bergantung kepada barangan asing.

Dr Mahathir berkata barangan keperluan rumah diperlukan sepanjang masa walaupun negara kini memasuki zaman era teknologi maklumat.

Apabila rakyat semakin kaya, permintaan bagi barangan ini akan terus meningkat kerana mereka sering inginkan barangan yang lebih canggih dan menarik walaupun sudah memiliki barangan tersebut, katanya.

Dalam pada itu, Dr Mahathir menegaskan bahawa pengeluar barangan keperluan rumah tempatan perlu memberi penekanan kepada kajian dan penyelidikan bagi meningkatkan kecanggihan barangan mereka dan mampu bersaing di luar negara.

"Banyak lagi inovasi boleh dibuat supaya barangan jenama Malaysia akan sama cantik atau lebih canggih dari barangan di luar negeri," katanya.

Perdana Menteri menambah ini penting kerana pengeluar barangan keperluan rumah tidak boleh mengharapkan perlindungan kerajaan seperti pengeluar kereta tempatan.

Katanya, pengeluar barangan keperluan rumah buatan Malaysia juga perlu meneroka pasaran luar negara khususnya pasaran baru seperti negara-negara yang baru membangun.

"Saya nampak ada niche (ruang) untuk kita masuk terutama dalam negara-negara yang baru membangun. Rakyat mereka sudah mula mendapat pendapatan yang meningkat dan mereka mampu beli lebih banyak barangan keperluan rumah," katanya.

Negara terbabit mungkin dilihat tidak menarik kerana rakyatnya serba kekurangan atau tidak menggunakan barangan elektrik tetapi ianya merupakan pasaran yang berpotensi besar di masa depan, tambahnya.

"Ia seperti melihat sebilangan negara di mana rakyatnya berkaki ayam. Di sana, anda fikir mereka tidak memerlukan kasut jadi tiada pasaran atau anda fikir ini merupakan tempat yang baik untuk menjual kasut anda.

"Jadi saya fikir kita harus menimbangkan mereka yang tidak mempunyai barangan elektrik. Mereka akan menjadi lebih kaya dan mereka akan menggunakan barangan elektrik dan kita harus mengeluarkannya untuk mereka," katanya. -- BERNAMA

MOT JR